

CNS0552

U PB 23-01 00172 BB405

AAB

Mahathir - Teluk

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Malaysia tidak menyebelahi mana-mana pihak sama ada Amerika Syarikat atau Iraq dalam peperangan di Teluk tetapi hanya memihak kepada keadilan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata tidak seperti parti-parti pembangkang, terutama PAS yang secara terbuka menyokong Iraq dan mengecam Arab Saudi, kerajaan bersikap berkecuali dalam soal itu.

+Kita tidak mengecam mana-mana pihak, yang kita hendak ialah keadilan. Pendirian kita jelas iaitu kita tidak bersetuju dengan mana-mana negara menakluki mana-mana negara lain,+ katanya pada persidangan akhbar di pejabatnya di sini bagi mengumumkan kenaikan gaji lima peratus bagi kakitangan kerajaan.

+Kita menentang Vietnam kerana cuba menakluki Kemboja, kita menentang USSR kerana cuba menakluki Afghanistan dan kita juga menentang Amerika Syarikat kerana melanggar Panama dan Granada,+ tambahnya.

Bagaimanapun, katanya, peranan Malaysia di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) terhad kerana sebagai sebuah negara kecil, ia hanya boleh membuat desakan tetapi tidak boleh memaksa negara lain mengikut kehendaknya.

-- Lagi

♥23/01/19-40MST

CNS0555

U PB 23-01 00126 BB406

AAB

Mahathir - Teluk 2 Kuala Lumpur

+Kita dukacita kerana peperangan telah berlaku sedangkan ia dapat dielakkan jika Iraq keluar dari Kuwait.+

Beliau menegaskan bahawa Malaysia tidak memihak kepada Amerika Syarikat apabila menyokong Resolusi Majlis Keselamatan PBB supaya digunakan kekerasan terhadap Iraq tetapi cuma ingin menyelamatkan rakyat Kuwait.

+Kita bersetuju supaya Kuwait dibebaskan tetapi kita tidak pernah bersetuju supaya Iraq dimusnahkan,+ katanya.

Beliau dukacita kerana media barat tidak memberi gambaran sebenar mengenai kesan serangan tentera bersekutu terhadap Iraq kerana ia ditapis oleh tentera Amerika Syarikat.

+Kita diberitahu beribu-ribu tan bom telah digugurkan ke atas Iraq tetapi kita tidak mendapat bukti sama ada bom-bom itu ditujukan kepada sasaran tentera atau rakyat biasa. -- Lagi

♥23/01/19-42MST

CNS0557

U PB 23-01 00133 BB407

AAB

Mahathir - Teluk 3 Kuala Lumpur

+Ini mendukacitakan kita kerana sepatutnya negara yang bercakap tentang kebebasan akhbar, sepatutnya tidak menapis tentang kemusnahan.

Katanya, daripada laporan yang diterima, pesawat pengebom B-52 telah digunakan dan pesawat itu terkenal sebagai +carpet bomber+ yang mengebom semua tempat tanpa mengira sasaran tentera atau tidak.

Beliau berkata Malaysia juga telah bersetuju terhadap jemputan Iran supaya Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengadakan persidangan secepat mungkin bagi mencari penyelesaian kepada peperangan.

Malangnya sehingga kini, cadangan Iran itu tidak mendapat persetujuan majoriti negara-negara Islam kerana hanya 10 negara sahaja yang bersetuju, kata beliau.

+Tetapi jika kita dapat menghadiri perseidangan itu, kita ingin menggesa supaya peperangan ditamatkan dan merayu kepada Iraq supaya keluar dari Kuwait,+ kata Perdana Menteri. -- Lagi

♥23/01/19-44MST

CNS0559

U PB 23-01 00103 BB408

AAB

Mahathir - Teluk 4 Kuala Lumpur

Mengenai rancangan PAS untuk menghantar sukarelawan ke Iraq, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan tidak menghalang rancangan itu seperti ia tidak melarang pemergian sukarelawan ke Afghanistan.

Berhubung cadangan Malaysia supaya ditubuhkan Kerjasama Ekonomi Asia Timur (EAEG), Perdana Menteri berkata Malaysia mahu mendapatkan persetujuan negara-negara ASEAN terlebih dahulu sebelum memajukan cadangan itu kepada negara lain seperti Jepun, Korea dan Taiwan.

Beliau berharap persetujuan bagi penubuhan kerjasama ekonomi itu akan diterima secepat mungkin bagi membolehkan mesyuarat ke arah matlamat itu diadakan sebelum akhir tahun ini. -- Bernama

♥23/01/19-45MST